



# 4

## KEWANGAN SEKTOR AWAM



## Tinjauan

### *Inisiatif pembaharuan fiskal untuk mengukuhkan kedudukan kewangan*

Dasar fiskal adalah bermatlamat mengekalkan momentum pertumbuhan dan mengukuhkan pengurusan fiskal, dengan objektif keseluruhan mencapai kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat. Kerajaan Persekutuan akan terus berusaha melaksanakan langkah konsolidasi fiskal dengan matlamat mencapai bajet berimbang pada 2020. Selain membantu mengurangkan defisit, langkah konsolidasi fiskal akan terus ditingkatkan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang kukuh. Hasilnya adalah menggalakkan dengan KDNK pada suku kedua 2014 mencatat pertumbuhan kukuh 6.4% dan dianggarkan merekodkan pertumbuhan 5.5% hingga 6% pada tahun ini. Manakala, defisit fiskal dijangka terus berkurang daripada 3.9% pada 2013 kepada 3.5% daripada KDNK pada 2014.

Kerajaan telah melaksanakan Program Transformasi Fiskal (FTP) untuk terus mengukuhkan kedudukan kewangan dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif pembaharuan fiskal ke arah kemampanan jangka panjang. Langkah konsolidasi ini akan mengurangkan hutang Kerajaan Persekutuan dan menyediakan ruang fiskal untuk melindungi ekonomi negara terhadap kesan kejutan luaran. Ketika krisis kewangan Asia 1997/1998 dan krisis ekonomi global 2008, dengan fleksibiliti fiskal yang lebih besar dan paras hutang yang rendah, Kerajaan berupaya melaksanakan pakej rangsangan ekonomi. Langkah ini termasuk memperkenalkan inisiatif bagi merangsang kegiatan ekonomi dan menyediakan subsidi yang lebih besar serta melaksanakan pelbagai program bantuan sosial.

Langkah utama di bawah inisiatif pembaharuan fiskal termasuk pengenalan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), Belanjawan Berasaskan *Outcome* (OBB) dan perakaunan akruan serta melaksanakan rasionalisasi subsidi, peningkatan kecekapan perbelanjaan dan pengauditan yang lebih ketat. Sementara itu, pertumbuhan hasil yang kukuh terutamanya daripada sektor bukan berasaskan petroleum adalah penting dalam memastikan kewangan Kerajaan terus teguh. Kerajaan akan mengurangkan kebergantungan kepada hasil berkaitan petroleum memandangkan harga minyak mentah dunia dan kadar pertukaran adalah sangat volatil. Tambahan pula, petroleum merupakan sumber yang semakin berkurangan. Kerajaan telah mengurangkan kebergantungan kepada hasil berkaitan petroleum secara berhemat daripada 41.3% pada 2009 kepada 31.2% pada 2013 dan dijangka akan terus menurun pada tahun-tahun akan datang. Oleh yang demikian, pelaksanaan struktur cukai baharu iaitu GST akan membolehkan Kerajaan memperkemas dan memperluas asas cukai.

Kerajaan menyedari cukai jualan dan perkhidmatan sedia ada mempunyai kelemahan tertentu seperti kesan cukai berganda ke atas pengguna dan pindahan harga. Kelemahan ini akhirnya akan merugikan pengguna dan Kerajaan. Sehubungan itu, kedua-dua cukai tersebut akan digantikan dengan satu cukai sahaja yang dikenali sebagai GST pada kadar tetap 6% iaitu paling rendah dalam kalangan negara anggota Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN). GST tidak akan dikenakan ke atas item terpilih seperti barangan makanan asas, perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan, perkhidmatan pengangkutan, serta penjualan, pembelian dan sewaan rumah kediaman. Seiring dengan pelaksanaan GST, Kerajaan komited untuk menyediakan pelbagai bantuan dan sokongan termasuk pengurangan

kadar cukai pendapatan individu dan korporat, insentif cukai, bantuan tunai serta geran latihan dan pembelian perisian perakaunan. Menerusi pelbagai pakej bantuan ini, tekanan inflasi akan dapat dikurangkan dan memastikan kelancaran pelaksanaan GST. Harga barangan akan sentiasa dipantau dan risalah harga barangan juga akan diedarkan sebagai panduan kepada pengguna untuk perbandingan harga.

Bagi memastikan sistem subsidi lebih berkesan, Kerajaan sedang melaksanakan inisiatif rasionalisasi subsidi untuk beralih secara berperingkat daripada subsidi pukal yang memberi manfaat kepada semua tanpa mengira tahap pendapatan kepada kumpulan yang lebih bersasar. Langkah ini akan membantu mengoptimumkan sumber, membendung aktiviti penyeludupan dan mengelakkan ketirisan. Kerajaan telah membelanjakan lebih RM40 bilion pada 2013 untuk pelbagai bentuk subsidi, insentif dan bantuan, antaranya berkaitan dengan produk petroleum, makanan, kesihatan, pertanian dan perikanan, pampasan tol serta kebajikan dan pendidikan. Lebih separuh daripada jumlah ini atau RM23.5 bilion telah disalurkan untuk subsidi produk petroleum. Oleh kerana pemberian subsidi bahan api adalah tidak bersasar, terdapat penggunaan bahan api secara berlebihan dan aktiviti penyeludupan. Faktor-faktor ini, ditambah pula dengan harga minyak global yang lebih tinggi beberapa tahun lepas, telah menyebabkan peningkatan ketara dalam perbelanjaan subsidi bahan api. Oleh itu, rasionalisasi mekanisme subsidi semasa akan memberi penjimatan besar yang boleh disalurkan kepada program yang lebih bersasar dan projek pembangunan yang bermanfaat kepada rakyat seperti memantapkan sistem pendidikan dan latihan, membina lebih banyak rumah mampu milik, hospital dan klinik, menambah baik dan meluaskan sistem pengangkutan awam serta mengukuhkan keselamatan negara.

Secara amnya, pengurangan subsidi RON95 dan diesel sebanyak 20 sen seliter dijangka akan memberi penjimatan tahunan sebanyak RM4 bilion. Selain itu, pemansuhan subsidi gula telah menghasilkan penjimatan tambahan sebanyak RM480 juta. Langkah ini penting bagi

memastikan keberkesanan perbelanjaan Kerajaan dan mengurangkan ketidakcekapan pasaran. Menyedari terdapat segmen ekonomi yang akan menerima kesan negatif dalam tempoh peralihan, Kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif dan bantuan bagi meringankan beban rakyat terutamanya golongan yang mudah terjejas. Bantuan ini termasuk Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), bantuan persekolahan, subsidi perumahan dan insentif cukai pendapatan. Selain itu, Kerajaan telah memperkukuh langkah penguatkuasaan untuk membendung aktiviti menyorok barangan dan mengaut keuntungan berlebihan.

Kerajaan akan beralih daripada amalan perakaunan berasaskan tunai kepada akruan, selaras dengan keperluan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSAS). Penggunaan perakaunan akruan akan menggambarkan prestasi kewangan Kerajaan yang lebih menyeluruh dan tepat seterusnya meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan pengurusan kewangan. Berikutan peralihan ini, Kerajaan dapat mengukur aset dan liabiliti yang relevan dengan kedudukan dan kemampuan dasar fiskal secara keseluruhan. Sistem perakaunan akruan adalah penting untuk menentukan kos keseluruhan aktiviti Kerajaan secara sistematik dan menilai kecekapan perkhidmatan Kerajaan.

Selaras dengan pelaksanaan langkah pengukuhan fiskal, defisit keseluruhan Kerajaan Persekutuan dijangka berkurang kepada 3.5% daripada KDNK pada 2014. Seiring dengan pengurangan defisit secara beransur-ansur, pinjaman akan terus diperoleh daripada kecairan yang mencukupi dalam pasaran domestik tanpa menjejaskan peluang sektor swasta atau meningkatkan tekanan inflasi. Bayaran khidmat hutang juga kekal rendah dan terkawal. Langkah untuk memastikan pengurusan fiskal yang berhemat dan cekap akan sentiasa menjadi keutamaan, seterusnya jelas menunjukkan komitmen Kerajaan ke arah sasaran fiskal bagi mengukuhkan kedudukan kewangan negara. Sementara itu, Jawatankuasa Dasar Fiskal (FPC) yang ditubuhkan pada 2013 telah bermesyuarat secara berkala bagi meneliti dan membuat keputusan untuk memastikan kemampuan fiskal jangka sederhana.

## Kerajaan Persekutuan

### Konsolidasi fiskal berterusan

Selaras dengan usaha konsolidasi, Kerajaan Persekutuan dijangka mencatatkan defisit yang lebih rendah berjumlah RM37.3 bilion atau 3.5% daripada KDNK pada 2014 berbanding RM38.6 bilion atau 3.9% pada 2013. Penurunan ini dicapai melalui pengurangan jumlah perbelanjaan daripada KDNK sebanyak 1.3 mata peratusan, iaitu lebih besar daripada pengurangan 0.4 mata peratusan dalam defisit. Kira-kira tujuh persepuluh daripada penurunan ini disebabkan pertumbuhan perbelanjaan mengurus yang lebih perlahan berbanding KDNK nominal yang didorong oleh pengukuhan ekonomi pada 2014. Pada masa yang sama, Kerajaan berjaya meningkatkan pungutan hasil cukai daripada sektor bukan berasaskan petroleum sebagai sebahagian daripada strategi jangka panjang untuk meningkatkan hasil bukan berasaskan petroleum. Hasil berkaitan petroleum berada dalam trend menurun daripada 9.2% kepada KDNK pada 2009 dan dianggar menyumbang kira-kira 6.2% pada 2014. Selain itu, Kerajaan akan memastikan baki akaun semasa kekal

dalam lebih manakala pinjaman pula terhad untuk membiayai perbelanjaan pembangunan. Langkah ini akan memastikan kedudukan hutang pada paras terurus.

## Hasil

### Pertumbuhan kukuh dalam hasil bukan berasaskan petroleum

Hasil Kerajaan Persekutuan pada 2014 adalah dianggarkan lebih kukuh selaras dengan aktiviti ekonomi domestik yang berdaya tahan. Jumlah kutipan hasil dijangka meningkat 5.5% kepada RM225.1 bilion. Walau bagaimanapun, jumlah hasil sebagai peratusan daripada KDNK dianggar lebih kecil namun kekal stabil pada 20.9% (2013: 21.6%) disebabkan oleh kutipan hasil berkaitan petroleum dan hasil bukan cukai yang lebih rendah. Hasil berkaitan petroleum mula menyusut apabila harga minyak global menjadi sederhana daripada paras tertinggi walaupun pengeluaran stabil pada paras lebih 600,000 tong sehari. Usaha telah diambil untuk meningkatkan pengeluaran minyak dari medan sedia ada serta meneroka dan mencari medan baharu selaras dengan inisiatif di bawah Program Transformasi

JADUAL 4.1

### Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan 2013 – 2015

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian kepada KDNK (%)		
	2013	2014 <sup>1</sup>	2015 <sup>2</sup>	2013	2014 <sup>1</sup>	2015 <sup>2</sup>	2013	2014 <sup>1</sup>	2015 <sup>2</sup>
Hasil	213,370	225,094	235,219	2.6	5.5	4.5	21.6	20.9	20.0
Perbelanjaan mengurus	211,270	221,112	223,440	2.8	4.7	1.1	21.4	20.5	19.0
<b>Lebihan semasa</b>	<b>2,100</b>	<b>3,982</b>	<b>11,779</b>	<b>-11.6</b>	<b>89.6</b>	<b>195.8</b>	<b>0.2</b>	<b>0.4</b>	<b>1.0</b>
Perbelanjaan pembangunan kasar	42,210	42,222	48,500	-10.1	0.03	14.9	4.3	3.9	4.1
Tolak: Terimaan balik pinjaman	1,526	949	1,033	-41.4	-37.8	8.9	0.2	0.1	0.1
Perbelanjaan pembangunan bersih	40,684	41,273	47,467	-8.2	1.4	15.0	4.1	3.8	4.0
<b>Baki keseluruhan</b>	<b>-38,584</b>	<b>-37,291</b>	<b>-35,688</b>	<b>-8.0</b>	<b>-3.4</b>	<b>-4.3</b>	<b>-3.9</b>	<b>-3.5</b>	<b>-3.0</b>

<sup>1</sup> Anggaran disemak.

<sup>2</sup> Anggaran Bajet, tidak termasuk langkah Bajet 2015.

JADUAL 4.2

### Hasil Kerajaan Persekutuan 2013 – 2015

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian kepada Jumlah (%)		
	2013	2014 <sup>2</sup>	2015 <sup>3</sup>	2013	2014 <sup>2</sup>	2015 <sup>3</sup>	2013	2014 <sup>2</sup>	2015 <sup>3</sup>
<b>Hasil cukai</b>	<b>155,952</b>	<b>171,770</b>	<b>183,378</b>	<b>2.8</b>	<b>10.1</b>	<b>6.8</b>	<b>73.1</b>	<b>76.3</b>	<b>78.0</b>
Cukai langsung	120,523	133,148	135,646	3.1	10.5	1.9	56.5	59.1	57.7
antaranya:									
Syarikat	58,175	67,679	72,589	13.4	16.3	7.3	27.3	30.1	30.9
PITA <sup>1</sup>	29,753	28,275	25,600	-12.3	-5.0	-9.5	13.9	12.6	10.9
Individu	23,055	26,746	26,553	0.3	16.0	-0.7	10.8	11.9	11.3
Cukai tidak langsung	35,429	38,622	47,732	2.1	9.0	23.6	16.6	17.2	20.3
antaranya:									
Duti eksais	12,193	13,442	13,717	0.0	10.2	2.0	5.7	6.0	5.8
Cukai jualan	10,068	10,986	2,734	6.0	9.1	-75.1	4.7	4.9	1.2
Cukai perkhidmatan	5,944	6,780	1,874	6.5	14.1	-72.4	2.8	3.0	0.8
GST	-	-	21,720	-	-	100.0	-	-	9.2
<b>Hasil bukan cukai</b>	<b>57,418</b>	<b>53,324</b>	<b>51,841</b>	<b>2.0</b>	<b>-7.1</b>	<b>-2.8</b>	<b>26.9</b>	<b>23.7</b>	<b>22.0</b>
antaranya:									
Lesen / permit	13,418	13,049	13,143	-1.1	-2.7	0.7	6.3	5.8	5.6
Pendapatan pelaburan	35,306	32,815	31,144	-3.9	-7.1	-5.1	16.5	14.6	13.2
<b>Jumlah hasil</b>	<b>213,370</b>	<b>225,094</b>	<b>235,219</b>	<b>2.6</b>	<b>5.5</b>	<b>4.5</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
<b>% kepada KDNK</b>	<b>21.6</b>	<b>20.9</b>	<b>20.0</b>						

<sup>1</sup> Cukai Pendapatan Petroleum.

<sup>2</sup> Anggaran disemak.

<sup>3</sup> Anggaran Bajet, tidak termasuk langkah percubaan 2015.


Ekonomi (ETP). Kutipan **hasil cukai**, dengan sumbangan sebanyak 76.3% kepada jumlah hasil, dianggarkan meningkat 10.1% kepada RM171.8 bilion dan kekal tinggi pada 15.9% daripada KDNK (2013: 15.8%). Hasil bukan cukai pula dijangka mencatat RM53.3 bilion. Selain itu, selaras dengan langkah Kerajaan memperluas asas kutipan hasil, kebergantungan kepada hasil berkaitan petroleum akan berkurang secara berperingkat. Pada 2014, hasil berkaitan petroleum dianggarkan mencakupi 29.7% daripada jumlah hasil berbanding paras tertinggi 41.3% pada 2009.

**Cukai langsung** yang menyumbang 59.1% kepada jumlah hasil dianggarkan meningkat sebanyak 10.5% kepada RM133.1 bilion pada

2014 (2013: 3.1%; RM120.5 bilion) selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang kukuh. Cukai pendapatan syarikat dijangka berkembang kukuh sebanyak 16.3% kepada RM67.7 bilion (2013: 13.4%; RM58.2 bilion) dipacu oleh peningkatan keuntungan dalam perniagaan serta pematuhan dan pengauditan cukai yang lebih baik. Cukai pendapatan syarikat kekal sebagai komponen terbesar, iaitu 30.1% daripada jumlah hasil. Pada masa yang sama, cukai pendapatan individu dijangka mengukuh 16% kepada RM26.7 bilion, disokong oleh pertumbuhan guna tenaga dan upah yang stabil. Hasil daripada cukai pendapatan petroleum (PITA) yang mencakupi 12.6% daripada jumlah hasil, dianggarkan menurun kepada RM28.3 bilion disebabkan

CARTA 4.1

## Hasil Kerajaan Persekutuan



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

oleh harga minyak mentah yang sederhana walaupun pengeluaran stabil. Cukai langsung lain yang merangkumi terimaan daripada duti setem dan cukai keuntungan hartanah (CKHT) dijangka lebih kukuh. Hasil daripada duti setem dianggar menyumbang sebanyak RM7 bilion dan CKHT sebanyak RM0.8 bilion, mencerminkan nilai hartanah yang tinggi serta aktiviti ekonomi yang kukuh pada 2014.

**Cukai tidak langsung** dijangka meningkat 9% kepada RM38.6 bilion dengan sumbangan kepada jumlah hasil meningkat kepada 17.2% (2013: 16.6%). Duti eksais dijangka berkembang 10.2% kepada RM13.4 bilion (2013: RM12.2 bilion) berikutan peningkatan jualan kenderaan bermotor, rokok dan minuman beralkohol. Kutipan daripada cukai jualan dijangka lebih tinggi dengan mencatat RM11 bilion dan cukai perkhidmatan RM6.8 bilion, hasil daripada jualan kenderaan bermotor yang menggalakkan dan permintaan perkhidmatan telekomunikasi yang

lebih tinggi, serta peningkatan perbelanjaan pelancong bersempena Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2014. Sebaliknya, walaupun import barangan adalah lebih tinggi, kutipan daripada duti import dianggarkan kekal stabil pada RM2.5 bilion selaras dengan komitmen yang progresif terhadap perjanjian dagangan serantau dan dua hala.

Kutipan **hasil bukan cukai** yang merangkumi lesen dan permit, pendapatan pelaburan, terimaan bukan hasil serta hasil daripada Wilayah Persekutuan dijangka mencatat RM53.3 bilion pada 2014. Pendapatan pelaburan yang mewakili 61.5%, kekal sebagai penyumbang terbesar kepada hasil bukan cukai, terutamanya daripada dividen Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS), Bank Negara Malaysia dan Khazanah Nasional Berhad. Terimaan daripada lesen dan permit dianggar berjumlah RM13 bilion dengan royalti petroleum, lesen kenderaan bermotor dan levi pekerja asing sebagai penyumbang utama.

## Perbelanjaan

### Perbelanjaan produktif menyokong pertumbuhan

Perbelanjaan Kerajaan akan terus disalurkan ke arah meningkatkan pembinaan kapasiti negara dan menghasilkan kesan pengganda yang lebih tinggi. Perbelanjaan adalah berdasarkan prinsip kos keberkesanan, kecekapan, produktiviti dan *outcome*. Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan pada 2014 dijangka meningkat sederhana sebanyak 3.9% kepada RM263.3 bilion selaras dengan perbelanjaan berhemat. Jumlah perbelanjaan sebagai peratusan daripada KDNK dijangka terus berkurang daripada 25.7% pada 2013 kepada 24.4% pada 2014. Sebanyak RM221.1 bilion atau 84% diperuntukkan untuk perbelanjaan mengurus manakala baki RM42.2 bilion untuk perbelanjaan pembangunan.

**Perbelanjaan mengurus** dijangka meningkat 4.7% kepada RM221.1 bilion, mencerminkan pengurangan besar sebanyak 0.9 mata peratusan dalam bahagian kepada KDNK. Sebahagian besar perbelanjaan terdiri daripada emolumen, bekalan

dan perkhidmatan, subsidi dan bayaran khidmat hutang. **Emolumen** yang merupakan komponen terbesar merangkumi 29.6% daripada perbelanjaan mengurus, dijangka berkembang 7.1% kepada RM65.4 bilion (2013: RM61 bilion). Faktor yang menyumbang kepada peningkatan ini termasuk peruntukan bagi kenaikan gaji tahunan serta bonus setengah bulan untuk tahun 2013 dan bantuan khas kewangan sebanyak RM500. Perbelanjaan **bekalan dan perkhidmatan** dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 7.6% kepada RM36.4 bilion (2013: 5.9%; RM33.9 bilion), terutamanya untuk penyelenggaraan dan pembaikan, sewaan, utiliti dan pembayaran untuk perkhidmatan profesional dan teknikal. Selaras dengan langkah pentadbiran untuk mengawal perbelanjaan, inisiatif penjimatan kos telah dilaksanakan. Penjimatan ini termasuk mengurangkan bil utiliti, perjalanan dan perbelanjaan makanan dan minuman serta mengoptimalkan penggunaan kemudahan pusat latihan milik Kerajaan dan ruang pejabat sedia ada untuk mengurangkan bayaran sewa. Walau bagaimanapun, langkah ini tidak akan menjejaskan kualiti penyampaian perkhidmatan awam.

JADUAL 4.3

### Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan Mengikut Objek 2013 – 2015

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian kepada Jumlah (%)		
	2013	2014 <sup>1</sup>	2015 <sup>2</sup>	2013	2014 <sup>1</sup>	2015 <sup>2</sup>	2013	2014 <sup>1</sup>	2015 <sup>2</sup>
Emolumen	61,001	65,357	65,652	1.6	7.1	0.5	28.9	29.6	29.4
Bayaran khidmat hutang	20,776	23,186	24,379	6.3	11.6	5.1	9.8	10.5	10.9
Pemberian dan serahan kepada Kerajaan Negeri	6,046	6,697	7,444	6.2	10.8	11.1	2.9	3.0	3.3
Pencen dan ganjaran	14,842	16,167	16,256	5.4	8.9	0.6	7.0	7.3	7.3
Bekalan dan perkhidmatan	33,860	36,421	38,099	5.9	7.6	4.6	16.0	16.5	17.1
Subsidi	43,349	40,558	37,688	-1.6	-6.4	-7.1	20.5	18.3	16.9
Pemberian kepada badan berkanun	14,761	16,665	16,732	-7.6	12.9	0.4	7.0	7.5	7.5
Bayaran balik dan hapus kira	1,097	1,358	1,664	-15.1	23.8	22.5	0.5	0.6	0.7
Lain-lain	15,538	14,703	15,526	20.3	-5.4	5.6	7.4	6.7	6.9
<b>Jumlah</b>	<b>211,270</b>	<b>221,112</b>	<b>223,440</b>	<b>2.8</b>	<b>4.7</b>	<b>1.1</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
<b>% daripada KDNK</b>	<b>21.4</b>	<b>20.5</b>	<b>19.0</b>						

<sup>1</sup> Anggaran disemak.

<sup>2</sup> Anggaran Bajet, tidak termasuk langkah Bajet 2015.



Peruntukan **subsidi** dijangka kekal tinggi pada RM40.6 bilion pada 2014 (2013: RM43.3 bilion). Sebahagian besar bayaran subsidi disalurkan kepada subsidi bahan api dan bantuan tunai; program kebajikan sosial; barangan keperluan makanan asas seperti minyak masak, beras dan tepung; pampasan tol; perbezaan kadar faedah; bantuan pendidikan serta insentif kepada petani dan nelayan untuk meningkatkan pengeluaran makanan dan pendaratan ikan. Perbelanjaan ke atas subsidi bahan api dan bantuan tunai dijangka mencatat RM23.2 bilion pada 2014. Pembayaran subsidi bahan api dijangka lebih rendah sejajar dengan harga minyak mentah yang sederhana yang diunjur mencatat purata USD110 setong pada 2014 (2013: USD115 setong) serta pelaksanaan langkah rasionalisasi subsidi. Selain itu, penerima BR1M telah diperluaskan merangkumi isi rumah berpendapatan antara RM3,000 dan RM4,000 sebulan. Program ini telah memanfaatkan sejumlah 6.9 juta penerima pada 2014 dengan agihan tunai sebanyak RM3.6 bilion. Kerajaan turut meneruskan program bantuan persekolahan sebanyak RM100 untuk semua pelajar sekolah rendah dan menengah serta baucar buku bernilai RM250 kepada pelajar institusi pengajian tinggi.

**Bayaran khidmat hutang** atau bayaran faedah ke atas pinjaman merupakan bayaran tanggungan mandatori yang perlu diberi keutamaan sebelum agihan kepada perbelanjaan boleh kawal lain. Pada 2014, bayaran khidmat hutang dianggar meningkat 11.6% kepada RM23.2 bilion (2013: 6.3%; RM20.8 bilion). Bayaran khidmat hutang kekal stabil pada 10.5% daripada jumlah perbelanjaan mengurus dan 10.3% daripada jumlah hasil. Kerajaan akan memastikan bahawa bayaran khidmat hutang tidak melebihi had 15% daripada hasil di bawah peraturan pengurusan fiskal.

**Pemberian kepada badan berkanun** dijangka meningkat 12.9% kepada RM16.7 bilion terutamanya bagi emolumen serta bekalan dan perkhidmatan. Sebahagian besar pemberian diagihkan kepada institusi pengajian tinggi awam. Sementara itu, peruntukan yang besar

juga disediakan untuk **pencen dan ganjaran** (RM16.2 bilion) serta **pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri** (RM6.7 bilion).

**Perbelanjaan pembangunan** pada 2014 dijangka kekal besar sebanyak RM42.2 bilion dan akan terus menyokong dan merancakkan aktiviti ekonomi domestik. Bagi memastikan kecekapan perbelanjaan, penggunaan analisis kos faedah dan pengurusan nilai akan ditingkatkan bagi menjamin kesan pengganda dan produktiviti yang tinggi serta memanfaatkan rakyat. Sektor ekonomi terus menerima peruntukan terbesar sebanyak 63.4% diikuti sektor sosial (24.6%), sektor keselamatan (9.4%) dan sektor pentadbiran am (2.6%). Sebahagian besar peruntukan adalah bagi menyiapkan pelbagai projek di bawah *rolling plan* (RP) keempat dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) termasuk projek infrastruktur seperti jalan dan jambatan, sekolah, hospital, perumahan dan bekalan air. Projek fizikal merangkumi 77.5% atau 8,168 projek di bawah RMKe-10 dengan hampir 70% projek telah disiapkan. Peruntukan pembangunan juga meliputi projek di bawah inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) seperti infrastruktur asas luar bandar, pengangkutan awam bandar dan pembangunan pertanian khasnya industri getah dan kelapa sawit.

**Sektor ekonomi** diperuntukkan sebanyak RM26.8 bilion (2013: RM24.6 bilion) dengan memberi fokus kepada pembangunan infrastruktur pengangkutan, meningkatkan pembangunan industri dan keusahawanan, menambah baik mutu kemudahan awam serta mengembangkan sektor pertanian dan pembangunan luar bandar. *Subsektor pengangkutan* merupakan penerima terbesar dalam sektor ini, merangkumi 30.4% atau RM8.2 bilion, terutamanya untuk membiayai pembinaan, penyelenggaraan dan penaiktarafan jalan raya, jambatan, landasan kereta api, lapangan terbang, pelabuhan dan jeti. Projek yang sedang dalam pelaksanaan termasuk kerja-kerja membina dan menaik taraf laluan Pan-Borneo dan akses ke Taman Perindustrian Samalaju (Bintulu), jalan Teluk Kumbar – Lapangan Terbang Antarabangsa

JADUAL 4.4

### Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Mengikut Sektor 2013 – 2015

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian kepada Jumlah (%)		
	2013	2014 <sup>1</sup>	2015 <sup>2</sup>	2013	2014 <sup>1</sup>	2015 <sup>2</sup>	2013	2014 <sup>1</sup>	2015 <sup>2</sup>
<b>Ekonomi</b>	<b>24,645</b>	<b>26,783</b>	<b>29,260</b>	<b>-14.8</b>	<b>8.7</b>	<b>9.2</b>	<b>58.4</b>	<b>63.4</b>	<b>60.3</b>
antaranya:									
Pertanian dan pembangunan luar bandar	2,692	3,094	3,166	41.2	14.9	2.3	6.4	7.3	6.5
Perdagangan dan perindustrian	6,244	5,702	7,775	23.8	-8.7	36.3	14.8	13.5	16.0
Pengangkutan	8,152	8,152	8,697	-19.0	0.0	6.7	19.3	19.3	17.9
<b>Sosial</b>	<b>10,884</b>	<b>10,390</b>	<b>12,618</b>	<b>-12.2</b>	<b>-4.5</b>	<b>21.4</b>	<b>25.8</b>	<b>24.6</b>	<b>26.0</b>
antaranya:									
Pendidikan dan latihan	6,438	4,860	5,582	-14.7	-24.5	14.9	15.3	11.5	11.5
Kesihatan	1,738	1,704	1,702	-6.7	-2.0	-0.1	4.1	4.0	3.5
Perumahan	852	924	2,293	62.5	8.5	148.3	2.0	2.2	4.7
<b>Keselamatan</b>	<b>4,649</b>	<b>3,969</b>	<b>4,932</b>	<b>5.4</b>	<b>-14.6</b>	<b>24.3</b>	<b>11.0</b>	<b>9.4</b>	<b>10.2</b>
<b>Pentadbiran am</b>	<b>2,032</b>	<b>1,080</b>	<b>1,690</b>	<b>71.1</b>	<b>-46.8</b>	<b>56.5</b>	<b>4.8</b>	<b>2.6</b>	<b>3.5</b>
<b>Jumlah</b>	<b>42,210</b>	<b>42,222</b>	<b>48,500</b>	<b>-10.1</b>	<b>0.03</b>	<b>14.9</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
<b>% kepada KDNK</b>	<b>4.3</b>	<b>3.9</b>	<b>4.1</b>						

<sup>1</sup> Anggaran disemak.

<sup>2</sup> Anggaran Bajet, tidak termasuk langkah Bajet 2015.

Pulau Pinang, jalan Tanjung Karang – Teluk Intan, laluan Ayer Keroh – pusat bandar Melaka; landasan Gemas – Mentakab; serta lapangan terbang Sandakan, Miri dan Mukah.

*Subsektor perdagangan dan perindustrian* diperuntukkan sebanyak RM5.7 bilion dan mencakupi 21.3% daripada jumlah peruntukan sektor ekonomi pada 2014. Hampir separuh daripada perbelanjaan disalurkan kepada program perusahaan kecil dan sederhana (PKS), pembangunan industri di lima koridor wilayah dan kemudahan pelancongan. Bagi mempercepat pembangunan keusahawanan, Pejabat Pembangunan Keusahawanan Nasional akan diwujudkan untuk menggubal pelan pembangunan keusahawanan yang menyediakan platform untuk usahawan serta menyelaras semua aktiviti berkaitan keusahawanan di Malaysia. Bagi menyokong inisiatif ini, Pusat Inovasi & Kreativiti Global Malaysia (MaGIC) sebagai

pusat sehati bagi memperkasa usahawan telah diwujudkan di Cyberjaya. MaGIC menyediakan ekosistem yang komprehensif kepada usahawan termasuk perkhidmatan seperti pangkalan data bersepadu, inkubator, proses padanan perniagaan, pendaftaran harta intelek, prasarana pembiayaan serta khidmat nasihat dan latihan.

*Subsektor pertanian dan pembangunan luar bandar* diperuntukkan RM3.1 bilion atau 11.6% daripada jumlah peruntukan sektor ekonomi pada 2014. Peruntukan besar disediakan bagi melaksanakan program pertanian bernilai tambah tinggi dan mempunyai nilai komersial untuk memodenkan subsektor pertanian bagi meningkatkan pendapatan petani. Kerajaan telah mewujudkan *Food and Agro Council for Export* (FACE) sebagai pemudah cara untuk meningkatkan eksport produk pertanian tempatan. Bagi memastikan harga produk makanan yang berpatutan melalui penjualan terus kepada

pengguna, beberapa inisiatif telah dilaksanakan termasuk penambahan 60 Pasar Tani, 39 Pasar Nelayan, 100 Gerai Buah-buahan Segar dan 30 Agrobazar Kedai Rakyat.

Perbelanjaan bagi **sektor sosial** yang berjumlah RM10.4 bilion merupakan komponen kedua terbesar dalam perbelanjaan pembangunan. Sejumlah RM4.9 bilion atau 46.8% daripada perbelanjaan sektor sosial adalah untuk *subsektor pendidikan dan latihan*, menggambarkan kepentingan melabur dalam pembangunan modal insan ke arah mencapai ekonomi berpendapatan tinggi, berasaskan pengetahuan dan inovasi. Projek utama termasuk membina 33 buah sekolah baharu dan menaik taraf kemudahan di universiti dan pusat latihan serta menyediakan geran latihan kemahiran.

Pada 2014, *subsektor kesihatan* diperuntukkan RM1.7 bilion atau 16.4% khususnya untuk menaik taraf dan menyelenggara hospital dan klinik serta membeli peralatan perubatan. Langkah ini selari dengan penekanan untuk menyediakan penjagaan kesihatan dan akses kemudahan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik. Projek utama termasuk pembinaan blok tambahan Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu dan Hospital Jeli, Kelantan serta hospital baharu di Tanjung Karang, Selangor. Selain itu, penaiktarafan Hospital Kuala Lipis, Pahang yang sedang dinaik taraf akan dipercepat bagi memastikan perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang berterusan. Peruntukan yang besar turut diberikan untuk meningkatkan perkhidmatan penjagaan termasuk pembukaan 50 Klinik 1Malaysia dan 35 klinik desa.

Peruntukan sebanyak RM924 juta bagi *subsektor perumahan* akan digunakan untuk membina rumah yang berkualiti dan mampu milik di samping membaik pulih dan menyelenggara perumahan awam. Sejumlah RM382 juta diperuntukkan bagi Program Perumahan Rakyat (PPR) untuk golongan miskin dan berpendapatan rendah manakala RM400 juta untuk PR1MA bagi pembinaan rumah di lokasi strategik termasuk di Nusajaya, Seremban, Sungai Petani dan Teluk Intan. Perbelanjaan di bawah subsektor ini juga

adalah untuk penyelenggaraan rumah kos rendah dan pemulihan projek rumah terbengkalai. Skim MyHome turut diperkenalkan pada Mac 2014 bagi menggalakkan pemaju swasta membina lebih banyak rumah mampu milik di kawasan yang mempunyai permintaan tinggi. Skim ini menyediakan subsidi sebanyak RM30,000 bagi setiap unit rumah yang dibina di atas tanah milik pemaju swasta dengan harga jualan maksimum RM45,000 bagi rumah kos rendah dan di bawah RM170,000 bagi rumah kos sederhana.

Keselamatan negara dan ketenteraman awam kekal menjadi keutamaan Kerajaan. **Sektor keselamatan** diperuntukkan RM4 bilion pada 2014 untuk mengukuh dan mempertingkatkan pertahanan dan keselamatan dalam negeri. Sebahagian besar peruntukan akan digunakan untuk meningkatkan pengawasan, menaik taraf dan membeli peralatan, serta membina dan menaik taraf kuarters, kem tentera dan ibu pejabat polis daerah bagi memelihara ketenteraman awam dan keselamatan negara. Perbelanjaan bagi **sektor pentadbiran am** dianggar berjumlah RM1.1 bilion pada 2014. Peruntukan diberikan terutamanya bagi membeli peralatan dan menaik taraf sistem ICT di jabatan Kerajaan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan serta memastikan proses kerja yang pantas dan lancar bagi memudah cara aktiviti sektor swasta.

## Pembiayaan

### *Keperluan pembiayaan diperoleh dalam negeri*

Pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan dijangka lebih rendah berikutan keperluan pembiayaan defisit yang lebih kecil selaras dengan langkah konsolidasi. Seajar dengan peraturan Kerajaan yang telah ditetapkan, pinjaman hanya dibuat untuk membiayai perbelanjaan pembangunan. Memandangkan kecairan pasaran kewangan adalah tinggi, keperluan pembiayaan akan diperoleh daripada sumber domestik dan dijangka tidak menjejaskan peluang sektor swasta mendapat pembiayaan. Pada 2014, pinjaman kasar dianggar berjumlah RM84.7 bilion dengan RM84.5 bilion diperoleh

daripada sumber domestik. Setelah mengambil kira RM47.6 bilion bagi penebusan pinjaman sedia ada, pinjaman bersih sebanyak RM37.1 bilion akan digunakan untuk membiayai defisit.

Pada 2014, RM51 bilion akan diperoleh melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) dan RM33.5 bilion pula melalui Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK). SKM kekal sebagai sumber pembiayaan terbesar iaitu 60.4% daripada jumlah pinjaman kasar domestik. Terbitan TPK terus meningkat beberapa tahun kebelakangan ini disebabkan oleh peningkatan permintaan instrumen patuh Syariah yang berkualiti tinggi. TPK kini menyumbang 39.6% daripada pinjaman kasar domestik berbanding di bawah 20% sebelum krisis ekonomi global pada 2008. SKM dan TPK

dijangka akan ditawarkan melalui tender terbuka bagi memanfaatkan kadar faedah yang rendah dan kecairan tunai yang mencukupi dalam pasaran kewangan serta membangunkan pasaran modal yang lebih stabil dan mendalam.

Pinjaman kasar SKM akan diperoleh melalui terbitan baharu dan pembukaan semula SKM sedia ada yang berjumlah RM51 bilion, dengan RM26.4 bilion akan digunakan untuk pembayaran balik SKM yang telah matang. Bagi memenuhi permintaan pasaran ke atas instrumen hutang berdaulat yang mempunyai tempoh matang yang panjang, empat terbitan SKM dengan tempoh matang lebih daripada 10 tahun telah diterbitkan. Kadar kupon terbitan baharu SKM adalah antara 3.394% dan 4.181% bagi tempoh lapan bulan pertama 2014. Sementara itu, TPK yang diterbitkan pada 2014 terdiri daripada gabungan terbitan baharu dan pembukaan semula TPK sedia ada yang berjumlah RM33.5 bilion. Bagi memenuhi permintaan tinggi terhadap terbitan bertempoh matang yang lebih panjang serta membangunkan lagi pasaran modal Islam, lima terbitan bertempoh matang 10 hingga 20 tahun telah diterbitkan.

Pinjaman luar kasar akan terus berkurangan berikutan tiada pinjaman baharu daripada sumber luar yang dijangkakan pada 2014. Pengeluaran sejumlah RM187 juta akan dibuat melalui sumber pinjaman dua hala (RM184 juta) dan pelbagai hala (RM3 juta) bagi membiayai projek dan program sedia ada yang berkaitan dengan pengajian tinggi, penyelidikan dan latihan serta penyaluran air mentah.

## Hutang

### Hutang kekal terus

Kerajaan akan memastikan tahap hutang kekal terus melalui pelaksanaan dasar ekonomi makro yang baik, pematuhan kepada peraturan dan perundangan fiskal serta strategi pengurusan hutang berhemat. Pada akhir Jun 2014, **hutang**

JADUAL 4.5

### Pembiayaan Kerajaan Persekutuan 2013 – 2014

	RM juta		Bahagian (%)	
	2013	2014 <sup>2</sup>	2013	2014 <sup>2</sup>
<b>Pinjaman kasar</b>	<b>100,870</b>	<b>84,687</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
<b>Dalam negeri</b>	<b>100,457</b>	<b>84,500</b>	<b>99.6</b>	<b>99.8</b>
TPK	41,000	33,500	40.7	39.6
SKM	59,457	51,000	58.9	60.2
<b>Luar negeri</b>	<b>413</b>	<b>187</b>	<b>0.4</b>	<b>0.2</b>
Pinjaman pasaran	-	-	-	-
Pinjaman projek	413	187	0.4	0.2
<b>Bayaran balik</b>	<b>61,565</b>	<b>47,556</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
Dalam negeri	60,931	46,943	99.0	98.7
Luar negeri	634	613	1.0	1.3
<b>Pinjaman bersih</b>	<b>39,305</b>	<b>37,131</b>	-	-
Dalam negeri	39,526	37,557	-	-
Luar negeri	-221	-426	-	-
<b>Perubahan aset<sup>1</sup></b>	<b>-721</b>	<b>160</b>	-	-
<b>Jumlah keperluan pembiayaan</b>	<b>38,584</b>	<b>37,291</b>	-	-

<sup>1</sup> (+) bererti penggunaan harta.

<sup>2</sup> Anggaran.

**Kerajaan Persekutuan** mencatat RM568.9 bilion terutamanya disebabkan oleh terbitan hutang domestik yang lebih tinggi untuk memenuhi keperluan pembiayaan. Hutang dalam negeri menyumbang 97.1% atau RM552.7 bilion dengan SKM dan TPK mewakili 91.1% manakala pinjaman luar pesisir pula berjumlah RM16.2 bilion. Pemegang utama SKM dan TPK termasuk institusi perbankan (27.5%), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (21.8%) dan syarikat insurans (6.2%) manakala pegangan asing pula telah meningkat kepada 30.5%. Permintaan oleh pelabur luar yang menggalakkan adalah selaras dengan keinginan pelabur untuk melabur dalam instrumen yang selamat dan lebih berkualiti serta kadar pulangan lebih tinggi dalam suasana lebihan kecairan tunai dan volatiliti pasaran kewangan global. Peningkatan kehadiran pelabur asing dalam pasaran modal juga menggambarkan keyakinan terhadap prospek pertumbuhan dan asas makroekonomi Malaysia. Pada akhir Jun 2014, hutang Kerajaan Persekutuan mencatat 52.8% daripada KDNK, masih di bawah tahap berhemat dan terurus iaitu 55% daripada KDNK. Walaupun paras hutang meningkat, Kerajaan akan

memastikan komitmen untuk membayar balik tanggungan hutang akan dipenuhi sewajarnya. Bayaran khidmat hutang, yang merujuk kepada bayaran faedah ke atas pinjaman, dijangka kekal terurus pada 10.3% daripada hasil (2013: 9.7%), masih jauh di bawah paras 15% seperti yang ditetapkan dalam peraturan pengurusan fiskal.

Berikutan definisi semula, **hutang luar negeri** kini adalah terdiri daripada pinjaman luar pesisir oleh Kerajaan Persekutuan, perusahaan awam dan sektor swasta serta pegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin, deposit bukan pemastautin, hutang perdagangan yang diberikan oleh rakan dagang luar negeri dan liabiliti hutang yang lain. Pada akhir Jun 2014, berikutan definisi baharu ini, hutang luar negeri mencatat RM729 bilion atau 67.6% daripada KDNK, yang mana pinjaman luar pesisir sektor awam mewakili 9.2% daripada KDNK, sementara sektor swasta meliputi 21.9% manakala pegangan sekuriti hutang, deposit dan kredit perdagangan dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin mencakupi 36.5%. Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh pinjaman luar pesisir yang lebih

JADUAL 4.6

### Hutang Kerajaan Persekutuan 2013 – 2014

	RM juta		Bahagian kepada Jumlah (%)		Bahagian kepada KDNK (%)	
	2013	2014 <sup>1</sup>	2013	2014 <sup>1</sup>	2013	2014 <sup>1</sup>
<b>Hutang dalam negeri</b>	<b>523,095</b>	<b>552,652</b>	<b>96.9</b>	<b>97.1</b>	<b>53.0</b>	<b>51.3</b>
Bil Perbendaharaan	4,320	4,320	0.8	0.7	0.4	0.4
TPK	172,500	188,000	32.0	33.0	17.5	17.4
SKM	305,075	315,532	56.5	55.5	30.9	29.3
Tabung Pinjaman Perumahan	41,200	44,800	7.6	7.9	4.2	4.2
<b>Pinjaman luar pesisir</b>	<b>16,763</b>	<b>16,241</b>	<b>3.1</b>	<b>2.9</b>	<b>1.7</b>	<b>1.5</b>
Pinjaman pasaran	10,791	10,545	2.0	1.9	1.1	1.0
Pinjaman projek	5,971	5,696	1.1	1.0	0.6	0.5
<b>Jumlah</b>	<b>539,858</b>	<b>568,893</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>54.7</b>	<b>52.8</b>
<i>Item memorandum:</i> Pegangan hutang Kerajaan dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin	141,669	155,619	26.2	27.4	14.4	14.4

<sup>1</sup> Akhir Jun 2014.

JADUAL 4.7

### Hutang Luar Negeri 2013 – 2014

	RM juta		Bahagian kepada Jumlah (%)		Bahagian kepada KDNK (%)	
	2013	2014 <sup>3</sup>	2013	2014 <sup>3</sup>	2013	2014 <sup>3</sup>
<b>Pinjaman luar pesisir</b>	<b>324,088</b>	<b>335,572</b>	<b>46.5</b>	<b>46.0</b>	<b>32.8</b>	<b>31.1</b>
Hutang jangka sederhana dan panjang	195,986	204,816	28.1	28.1	19.9	19.0
Sektor awam	98,904	98,662	14.2	13.5	10.0	9.2
Kerajaan Persekutuan	16,763	16,241	2.4	2.2	1.7	1.5
Perusahaan awam	82,141	82,421	11.8	11.3	8.3	7.7
Sektor swasta	97,082	106,154	13.9	14.6	9.8	9.8
Hutang jangka pendek	128,102	130,756	18.4	17.9	13.0	12.1
<b>Pegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin</b>	<b>229,674</b>	<b>243,002</b>	<b>33.0</b>	<b>33.4</b>	<b>23.3</b>	<b>22.5</b>
Hutang jangka sederhana dan panjang	151,100	167,250	21.7	23.0	15.3	15.5
Kerajaan Persekutuan	140,397	154,282	20.2	21.2	14.2	14.3
Lain-lain <sup>1</sup>	10,703	12,968	1.5	1.8	1.1	1.2
Hutang jangka pendek	78,574	75,752	11.3	10.4	8.0	7.0
<b>Deposit bukan pemastautin</b>	<b>77,325</b>	<b>86,186</b>	<b>11.1</b>	<b>11.8</b>	<b>7.8</b>	<b>8.0</b>
<b>Lain-lain<sup>2</sup></b>	<b>65,523</b>	<b>64,274</b>	<b>9.4</b>	<b>8.8</b>	<b>6.7</b>	<b>6.0</b>
<b>Jumlah</b>	<b>696,610</b>	<b>729,034</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>70.6</b>	<b>67.6</b>

<sup>1</sup> Termasuk sektor swasta dan perusahaan awam.

<sup>2</sup> Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan Hak Pengeluaran Khas IMF dan lain-lain.

<sup>3</sup> Akhir Jun 2014.

besar oleh sektor swasta dan pegangan sekuriti hutang dan deposit dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin.

Pinjaman luar pesisir mencakupi 46% daripada jumlah hutang luar negeri atau RM335.6 bilion pada akhir Jun 2014. Peningkatan ini disebabkan oleh pinjaman bersih yang lebih tinggi dalam hutang jangka sederhana dan panjang oleh sektor swasta bukan bank dan perusahaan awam manakala hutang luar pesisir Kerajaan Persekutuan kekal tidak berubah pada RM16.2 bilion. Selain itu, peningkatan dalam pinjaman luar pesisir jangka pendek adalah disebabkan oleh aktiviti pinjaman antara bank yang lebih tinggi. Sehingga akhir Jun 2014, nisbah khidmat bayaran hutang bagi pinjaman luar pesisir yang mengukur bayaran balik pokok dan faedah pinjaman kepada jumlah

eksport kasar barangan dan perkhidmatan adalah pada 8.3%.

Pegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin meningkat kepada RM243 bilion pada akhir Jun 2014, terutama pegangan ke atas sekuriti hutang jangka sederhana dan panjang yang diterbitkan oleh Kerajaan Persekutuan dan syarikat swasta. Peningkatan ini mencerminkan keyakinan pelabur terhadap ekonomi domestik, kadar pulangan yang lebih tinggi bagi tempoh matang tersebut serta pasaran kewangan domestik yang lebih mendalam, terbuka dan teguh. Selain itu, faktor kekukuhan kapasiti pelabur institusi domestik, institusi kewangan yang berdaya tahan dan pasaran modal yang maju serta jumlah rizab antarabangsa yang mencukupi, berupaya menyerap sebarang aliran keluar modal dan kejutan dalam pasaran kewangan.

## Definisi Semula Hutang Luar Malaysia

Terdapat beberapa konvensyen yang diterima pakai bagi mengklasifikasikan hutang luar negeri sesebuah negara. Amalan yang diterima pakai adalah apabila sebahagian besar aliran hutang merentas sempadan oleh pemastautin yang memperoleh pembiayaan dalam mata wang asing di pasaran kewangan yang lebih maju. Ini merupakan amalan yang diterima pakai oleh Malaysia, apabila hutang luar negeri hanya terdiri daripada hutang dalam denominasi mata wang asing, iaitu pinjaman yang diperoleh serta bon dan nota yang diterbitkan di luar pesisir.

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), et al (2013)<sup>1</sup> telah mencadangkan liputan hutang luar negeri yang lebih luas, yang turut mengambil kira sekuriti hutang dalam denominasi mata wang tempatan yang dipegang oleh bukan pemastautin dan aliran kewangan bukan pemastautin berkaitan hutang lain, seperti kredit perdagangan, mata wang dan deposit, serta pinjaman dan liabiliti lain (lihat Jadual 1). Di bawah definisi baharu ini, hutang luar negeri akan meliputi semua liabiliti yang memerlukan pembayaran pokok dan / atau faedah pada masa hadapan, dan hutang tersebut adalah daripada pemastautin kepada bukan pemastautin dalam sesebuah negara tanpa mengira denominasi mata wang bagi hutang itu.

JADUAL 1

### Komponen Hutang Luar Malaysia yang Terdahulu dan yang Diberikan Definisi Semula

Hutang luar negeri mengikut tempoh matang dan instrumen	Definisi terdahulu	Definisi semula
<b>Jangka pendek</b>		
Pinjaman antara bank (FX)	√	√
Pinjaman antara syarikat (FX)	√	√
Pinjaman lain*	√	√
Kredit perdagangan		√
Pemegangan instrumen pasaran wang domestik oleh bukan pemastautin		√
Mata wang dan deposit		√
Liabiliti lain**		√
<b>Jangka panjang</b>		
Bon terbitan luar negara (FX)	√	√
Pinjaman antara syarikat (FX)	√	√
Pinjaman lain* (FX)	√	√
Kredit perdagangan		√
Pemegangan bon domestik oleh bukan pemastautin		√
Liabiliti lain**		√

\* Termasuk pinjaman syarikat tidak berkaitan

\*\* Liabiliti lain merujuk kepada peruntukan SDR oleh IMF, serta liabiliti kumpulan wang pencen dan syarikat insurans hayat kepada bukan pemastautin

FX: Mata wang asing


<sup>1</sup> International Monetary Fund (IMF), Bank for International Settlements (BIS), Commonwealth Secretariat (Comsec), Eurostat, Organization for Economic Co-operation and Development (OECD), Paris Club Secretariat, United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD) dan World Bank, 2013, *External Debt Statistics: Guide for Compilers and Users*, Washington.

Sepanjang sedekad yang lalu, pasaran kewangan Malaysia telah berkembang dengan pesat hasil kemajuan dalam liberalisasi sektor kewangan. Sehubungan ini, pasaran bon Malaysia kini adalah yang terbesar di Asia Tenggara dan yang kedua terbesar di Asia (tidak termasuk Jepun), manakala penyertaan bukan pemastautin dalam pasaran kewangan domestik telah meningkat dengan ketara.

Dengan definisi baharu ini, hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM729 bilion (USD224.7 bilion atau 67.6% daripada KDNK) pada akhir bulan Jun 2014, berbanding RM335.6 bilion atau 31.1% daripada KDNK di bawah definisi yang terdahulu. Hutang luar negeri berdasarkan definisi baharu adalah lebih tinggi, mencerminkan paras pegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin yang tinggi, yang mencakupi hampir dua pertiga daripada peningkatan hutang luar negeri. Ini ialah hasil daripada kedalaman, keterbukaan dan daya tarikan yang lebih meluas pasaran kewangan Malaysia.

Memandangkan obligasi sekuriti hutang ini adalah dalam denominasi ringgit, kemungkinan berlakunya ketidakpadanan mata wang dalam keberhutangan luar negeri Malaysia telah berkurang. Adalah penting untuk diberi perhatian bahawa hutang luar pesisir Kerajaan Persekutuan kekal tidak berubah. Definisi semula hutang luar negeri ini membolehkan Kerajaan menilai pendedahan risiko kepada bukan pemastautin dengan lebih baik. Walaupun paras hutang luar negeri di bawah definisi baharu ini adalah lebih tinggi, penunjuk hutang luar negeri Malaysia kekal jauh melebihi tanda aras piawaian antarabangsa dari segi kekukuhan dan keteguhan hutang luar negeri.


Secara asasnya, definisi semula hutang luar negeri ini menambah baik perangkaan hutang yang sedia ada. Tambahan pula, mengambil kira pasaran kewangan Malaysia yang mendalam dan pelbagai (Carta 2), data yang dilaporkan akan diperincikan bagi menunjukkan kedudukan hutang luar negeri Malaysia, terutamanya penyertaan bukan pemastautin dalam pasaran yang semakin meningkat. Adalah penting untuk diberi perhatian bahawa paras hutang luar negeri yang lebih tinggi pada masa ini berikutan pasaran modal domestik yang lebih mendalam dan semakin maju adalah suatu kelaziman bagi negara yang sedang beralih kepada pasaran kewangan yang lebih maju, sama seperti di Hong Kong SAR China dan Singapura (Carta 3).






**CARTA 2**

**Pasaran Bon Tempatan Malaysia adalah Kedua Terbesar di Asia Timur, Tidak Termasuk Jepun**



**CARTA 3**

**Kedudukan Hutang Luar Malaysia Berbanding dengan Negara Serantau Lain**



**Keteguhan Kedudukan Luaran**

Kedudukan luaran Malaysia terus teguh disokong oleh asas-asas ekonomi negara yang kukuh:

- **Peningkatan penyertaan institusi domestik dalam pasaran modal Malaysia.** Sekiranya berlaku penjualan oleh bukan pemastautin, pelabur institusi domestik yang pelbagai mempunyai keupayaan untuk membeli sekuriti dalam denominasi ringgit. Ini akan mengurangkan risiko gangguan pergerakan harga dalam pasaran kewangan. Malaysia kini mempunyai beberapa pelabur institusi yang besar, industri insurans yang lebih maju serta industri pengurusan dana yang lebih besar dan akan membeli sekuriti hutang dalam denominasi ringgit ini.
- **Lebih berkeupayaan untuk menghadapi kejutan pasaran dan kewangan.** Dengan sistem kewangan yang lebih maju dan pengantara kewangan yang lebih kukuh, Malaysia kini akan kurang terdedah kepada sebarang tekanan kewangan yang berpunca daripada turun naik aliran modal. Di samping itu, paras rizab yang mencukupi untuk membiayai hutang luar negeri jangka pendek (nisbah rizab kepada hutang luar negeri jangka pendek sebanyak 1.2 kali, lebih tinggi daripada nisbah antarabangsa minimum 1:1), lebihan akaun semasa yang berterusan, bersama-sama dengan aset cair luar negeri yang banyak dalam sektor perbankan, juga akan menyediakan penampakan tambahan terhadap sebarang kejutan luaran kepada ekonomi.

JADUAL 2

**Penunjuk Hutang Luar Malaysia**

	Nilai ambang piawaian antarabangsa	Hutang luar negeri Malaysia, akhir Jun 2014	
		Definisi terdahulu	Definisi semula
Rizab / Hutang luar negeri jangka pendek (kali)	1.0	3.2	1.2
Jumlah hutang luar negeri / KDNK (%)	60 – 90	31.1	67.6
Hutang luar negeri jangka pendek / Jumlah hutang luar negeri (%)	t.b.	39.0	47.6
Hutang luar negeri jangka pendek / Eksport barangan dan perkhidmatan (%)	Lebih kecil lebih baik	15.4	40.8

t.b.: tidak berkenaan  
 Sumber: Reinhart, Carmen and Kenneth Rogoff, "Growth in a Time of Debt", American Economic Review, Mei 2010; Guidotti-Greenspan rule, IMF dan Bank Negara Malaysia.

Kedudukan luaran Malaysia yang teguh terbukti susulan pengumuman Federal Reserve Amerika Syarikat tentang hasratnya untuk mengecilkan program pelonggaran kuantitatif pada bulan Mei 2013. Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu dan ketidakpastian berhubung dengan pengumuman ini, ekonomi sedang pesat membangun, termasuk Malaysia, mengalami aliran keluar modal yang besar. Walaupun begitu, sistem kewangan Malaysia kekal berdaya tahan dan kestabilan kewangan kekal utuh tanpa gangguan kepada pengantaraan kewangan.

Oleh itu, definisi semula hutang luar negeri Malaysia, adalah tepat pada masanya, dalam usaha untuk menambah baik obligasi kewangan luar negeri Malaysia dengan cara yang lebih telus dan mencerminkan tahap kemajuan pasaran kewangan Malaysia sejak sedekad yang lalu.

*(Diterbit semula dengan kebenaran Bank Negara Malaysia)*

## Kerajaan Negeri

### *Kedudukan kewangan mencatat defisit kecil*

Kedudukan kewangan 13 kerajaan negeri disatukan dianggar mencatatkan defisit kecil sebanyak RM448 juta pada 2014 berbanding lebih RM3.2 bilion pada 2013 berikutan peningkatan dalam perbelanjaan pembangunan. Defisit keseluruhan ini dibiayai oleh pinjaman Kerajaan Persekutuan dan penggunaan aset terkumpul kerajaan negeri. Jumlah hasil dijangka berkurang 13.7% kepada RM20.3 bilion (2013: 9.7%; RM23.6 bilion) disebabkan oleh kutipan yang lebih rendah terutamanya premium tanah dan pendapatan pelaburan. Sumber hasil sendiri kerajaan negeri menyumbang hampir 79% kepada sumber hasil negeri dan selebihnya adalah pemberian Kerajaan Persekutuan. Premium dan cukai tanah, royalti petroleum dan perhutanan, cukai tidak langsung dan pendapatan pelaburan mewakili 71.1% daripada sumber hasil sendiri kerajaan negeri. Bagi meningkatkan kutipan hasil, kerajaan negeri memberi fokus ke atas pungutan tunggakan cukai taksiran dan hasil lain serta menyemak kadar levi perhutanan dan sewa air.

Perbelanjaan kerajaan negeri dijangka meningkat 3.4% kepada RM21.4 bilion pada 2014 (2013: 18.7%; RM20.7 bilion). Perbelanjaan mengurus dijangka berjumlah RM12.2 bilion, dengan emolumen serta bekalan dan perkhidmatan merangkumi 60.3%, manakala selebihnya

JADUAL 4.8

### Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Disatukan 2013 – 2014

	RM juta		Perubahan (%)	
	2013	2014 <sup>1</sup>	2013	2014 <sup>1</sup>
<b>Akaun semasa</b>				
Hasil	23,557	20,323	9.7	-13.7
Perbelanjaan mengurus	12,986	12,216	27.7	-5.9
Baki akaun semasa	10,571	8,107	-6.6	-23.3
<b>Perbelanjaan pembangunan</b>				
Perbelanjaan pembangunan kasar	7,691	9,169	6.1	19.2
Kumpulan wang pembangunan	7,574	8,976	5.9	18.5
Kumpulan wang bekalan air	117	193	20.7	65.2
Tolak: Terimaan balik pinjaman	272	614	-0.8	125.6
Perbelanjaan pembangunan bersih	7,419	8,555	6.3	15.3
<b>Baki keseluruhan</b>	<b>3,152</b>	<b>-448</b>	<b>-27.3</b>	<b>-114.2</b>
<b>% kepada KDNK</b>	<b>0.3</b>	<b>-0.04</b>		

<sup>1</sup> Anggaran.

adalah untuk pembelian aset dan pemberian. Selaras dengan usaha untuk menyediakan perkhidmatan dan kemudahan awam yang

lebih baik, perbelanjaan pembangunan dijangka meningkat kepada RM9.2 bilion (2013: RM7.7 bilion). Peruntukan RM4.4 bilion disediakan kepada sektor ekonomi terutamanya untuk menambah baik bekalan air, membangun kawasan perindustrian, industri makanan dan ladang ternakan serta menaik taraf dan membaiki pulih jalan raya, jambatan dan jeti. Perbelanjaan RM4.3 bilion diperuntukan kepada sektor sosial yang sebahagian besarnya adalah untuk perumahan, pendidikan dan latihan serta program dan projek pembangunan luar bandar dan komuniti. Kerajaan negeri akan terus memberi penekanan kepada pengurusan kewangan yang berhemat di samping meningkatkan kecekapan dan produktiviti.

## Sektor Kerajaan

### Paras defisit yang lebih rendah

Kedudukan kewangan sektor kerajaan yang terdiri daripada akaun disatukan bagi Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun selepas mengambil kira pindahan dan pinjaman bersih antara kerajaan, dijangka mencatatkan defisit sebanyak RM36.2 bilion atau 3.4% daripada KDNK pada 2014. Paras defisit yang rendah

ini berikutan peningkatan hasil terutama oleh Kerajaan Persekutuan, kerajaan tempatan dan badan berkanun serta jumlah perbelanjaan yang lebih terkawal.

## Perusahaan Awam Bukan Kewangan

### Perbelanjaan modal yang lebih tinggi

Prestasi Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) disatukan terus kukuh dengan hasil dijangka meningkat selaras dengan pertumbuhan pendapatan yang kukuh, terutamanya dalam sektor minyak dan gas, tenaga dan telekomunikasi. Walaupun perbelanjaan semasa adalah lebih tinggi, pendapatan tertahan atau lebihan semasa PABK dijangka mencatat RM67.1 bilion pada 2014. Perbelanjaan modal dijangka meningkat dengan ketara, mencerminkan aktiviti pelaburan yang besar di dalam dan luar negara. Oleh itu, kedudukan kewangan PABK disatukan diunjur mencatatkan defisit RM36.3 bilion. PABK dijangka lebih berdaya tahan dan terus menunjukkan prestasi yang baik meskipun dalam persekitaran operasi yang mencabar. PABK memainkan peranan yang penting dalam ekonomi melalui penglibatan dalam pelaburan modal dan pewujudan peluang pekerjaan.

JADUAL 4.9

### Kedudukan Kewangan Sektor Kerajaan Disatukan 2013 – 2015

	RM juta			Perubahan (%)		
	2013	2014 <sup>1</sup>	2015 <sup>2</sup>	2013	2014 <sup>1</sup>	2015 <sup>2</sup>
<b>Akaun semasa</b>						
Hasil	250,803	259,948	272,877	0.2	3.6	5.0
Perbelanjaan mengurus	237,021	244,461	250,147	4.1	3.1	2.3
<b>Baki akaun semasa</b>	<b>13,782</b>	<b>15,487</b>	<b>22,730</b>	<b>-38.8</b>	<b>12.4</b>	<b>46.8</b>
Perbelanjaan pembangunan	51,984	51,727	58,756	-2.1	-0.5	13.6
<b>Baki keseluruhan</b>	<b>-38,202</b>	<b>-36,240</b>	<b>-36,026</b>	<b>-25.0</b>	<b>5.1</b>	<b>0.6</b>
<b>% kepada KDNK</b>	<b>-3.9</b>	<b>-3.4</b>	<b>-3.1</b>			

<sup>1</sup> Anggaran disemak.

<sup>2</sup> Anggaran Bajet, tidak termasuk langkah Bajet 2015.

JADUAL 4.10

**Kedudukan Kewangan PABK<sup>1</sup> Disatukan  
2013 – 2014**

	RM juta		Perubahan (%)	
	2013	2014 <sup>2</sup>	2013	2014 <sup>2</sup>
Hasil	449,438	480,041	6.7	6.8
Perbelanjaan semasa	368,316	412,896	4.5	12.1
<b>Lebihan semasa</b>	<b>81,122</b>	<b>67,145</b>	<b>17.7</b>	<b>-17.2</b>
Perbelanjaan modal	81,475	103,465	-4.5	27.0
<b>Defisit keseluruhan</b>	<b>-353</b>	<b>-36,320</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
<b>% kepada KDNK</b>	<b>-0.04</b>	<b>-3.4</b>		

<sup>1</sup> Merujuk kepada 30 PABK utama pada 2013 dan 29 pada 2014.

<sup>2</sup> Anggaran.

Hasil PABK disatukan dijangka meningkat 6.8% kepada RM480 bilion (2013: 6.7%; RM449.4 bilion). Jumlah hasil yang lebih baik adalah disebabkan harga petroleum yang stabil, peningkatan pulangan ke atas pelaburan luar negara, permintaan yang kukuh untuk aktiviti telekomunikasi dan berkaitan dengan pembinaan serta semakan kadar tarif tenaga. Antara penyumbang utama kepada hasil disatukan adalah PETRONAS, Tenaga Nasional Berhad, Axiata Group Berhad, UEM Group Berhad, Telekom Malaysia Berhad dan Boustead Holdings Berhad. Sementara itu, perbelanjaan semasa PABK disatukan dijangka berkembang 12.1% kepada RM412.9 bilion pada 2014 dengan kos operasi yang lebih tinggi dalam sektor minyak dan gas, peningkatan kos jualan dalam sektor elektrik dan tenaga serta pengembangan dalam aktiviti perniagaan dan komersial.

Perbelanjaan modal PABK dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 27% kepada RM103.5 bilion (2013: -4.5%; RM81.5 bilion), didorong oleh keperluan untuk mengukuhkan pendapatan masa hadapan, memanfaatkan peluang pelaburan dan meningkatkan nilai pemegang saham. Perbelanjaan modal tertumpu kepada aktiviti eksplorasi dan penjana minyak serta gas; pertambahan stesen jana kuasa serta menaik

taraf rangkaian penghantaran dan pengagihan elektrik; pembangunan infrastruktur pengangkutan udara dan kereta api; serta peluasan dan pemodenan infrastruktur telekomunikasi. Antara projek utama termasuk Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang, Terminal Minyak dan Gas Sabah serta *Liquefied Natural Gas (LNG) Train 9* di Bintulu; pembinaan laluan MRT dan pemanjangan laluan LRT; pembinaan stesen jana kuasa elektrik di Manjung dan Seberang Perai; jalur lebar berkelajuan tinggi dan pembangunan hartanah bercampur di Nusajaya.

## Sektor Awam Disatukan

### *Baki semasa kekal dalam lebihan*

Kedudukan kewangan sektor awam disatukan merangkumi sektor kerajaan dan PABK, dijangka mencatatkan lebihan baki semasa sebanyak RM82.4 bilion berikutan perolehan hasil yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, dengan perbelanjaan modal PABK dijangka lebih tinggi, defisit keseluruhan sektor awam disatukan selepas mengambil kira pindahan dan pinjaman bersih dianggar berjumlah RM72.6 bilion atau 6.7% daripada KDNK pada 2014 (2013: RM38.6 bilion; 3.9%).

## Prospek 2015

### *Konsolidasi fiskal diteruskan*

Prospek ekonomi domestik yang kukuh merupakan faktor yang kondusif bagi meningkatkan lagi usaha konsolidasi fiskal Kerajaan. Selain itu, sektor luaran yang bertambah baik dan disokong oleh pembaharuan struktur berterusan akan mengukuhkan lagi kedudukan fiskal Kerajaan. Berikutan pelaburan swasta yang terus meningkat, perbelanjaan awam akan difokuskan kepada program dan projek yang berimpak tinggi dan membina kapasiti dan meningkatkan kecekapan. Inisiatif pembaharuan fiskal akan diteruskan dengan langkah pelarasan serta merangka strategi fiskal jangka sederhana. Sehubungan

JADUAL 4.11

### Kedudukan Kewangan Sektor Awam Disatukan 2013 – 2015

	RM juta			Perubahan (%)		
	2013	2014 <sup>1</sup>	2015 <sup>2</sup>	2013	2014 <sup>1</sup>	2015 <sup>2</sup>
Hasil	191,554	210,007	223,925	1.5	9.6	6.6
Perbelanjaan mengurus	236,610	244,189	249,908	4.1	3.2	2.3
Lebih semasa PABK	139,821	116,612	111,957	7.7	-16.6	-4.0
<b>Baki semasa sektor awam</b>	<b>94,765</b>	<b>82,430</b>	<b>85,974</b>	<b>3.8</b>	<b>-13.0</b>	<b>4.3</b>
Perbelanjaan pembangunan	133,345	155,018	160,789	-3.6	16.3	3.7
Sektor kerajaan	51,870	51,553	58,594	-2.2	-0.6	13.7
PABK	81,475	103,465	102,195	-4.5	27.0	-1.2
<b>Baki keseluruhan</b>	<b>-38,580</b>	<b>-72,588</b>	<b>-74,815</b>	<b>18.0</b>	<b>-88.1</b>	<b>-3.1</b>
<b>% kepada KDNK</b>	<b>-3.9</b>	<b>-6.7</b>	<b>-6.4</b>			

<sup>1</sup> Anggaran.

<sup>2</sup> Anggaran Bajet, tidak termasuk langkah Bajet 2015.

itu, kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan diunjur terus kukuh pada 2015 dengan tahap defisit berkurang kepada 3% daripada KDNK (2014: 3.5%). Langkah konsolidasi pada 2015 akan disumbang oleh pengurangan sebanyak 1.5 mata peratusan daripada KDNK dalam perbelanjaan mengurus terutamanya daripada perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan yang lebih berhemat serta langkah rasionalisasi subsidi yang berterusan. Langkah ini mencerminkan komitmen Kerajaan ke arah konsolidasi fiskal bagi mencapai bajet berimbang pada 2020.

Pertumbuhan hasil Kerajaan Persekutuan pada 2015 dijangka lebih tinggi berbanding perbelanjaan dengan mencatat RM235.2 bilion. Walaupun hasil berkaitan petroleum berada pada trend menurun, hasil bukan berasaskan petroleum dijangka berkembang 9.3% lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan KDNK nominal iaitu 9%. Unjuran hasil juga telah mengambil kira langkah untuk meluaskan asas hasil cukai, khususnya pelaksanaan GST. Hasil cukai dijangka meningkat 6.8% terutamanya daripada kutipan cukai pendapatan korporat yang lebih tinggi dan GST. Sementara itu, kutipan cukai pendapatan individu dijangka lebih rendah disebabkan oleh pengurangan kadar cukai

pendapatan individu sebanyak satu hingga tiga mata peratusan selaras dengan langkah dan bantuan bagi meringankan beban rakyat dalam tempoh peraksanaan GST.

Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan pada 2015 dianggarkan meningkat sederhana kepada RM271.9 bilion (2014: RM263.3 bilion), dengan RM223.4 bilion diperuntukkan bagi perbelanjaan mengurus manakala baki RM48.5 bilion untuk perbelanjaan pembangunan. Perbelanjaan mengurus, yang dianggar meningkat kecil, adalah selaras dengan langkah berhemat serta pemeriksaan dan penilaian peruntukan yang lebih teliti tanpa menjejaskan penyampaian perkhidmatan. Sebahagian besar daripada peruntukan ini akan disalurkan kepada perbelanjaan tanggungan seperti bayaran khidmat hutang, pencen dan ganjaran serta perbelanjaan terikat termasuk emolumen dan subsidi.

Bagi perbelanjaan pembangunan, 2015 merupakan tahun baki peruntukan RMKe-10. Bagi mencapai kecekapan dalam perbelanjaan, Kerajaan akan memastikan penelitian terperinci ke atas skop dan melaksanakan projek yang mempunyai kesan pengganda yang lebih tinggi bagi memberikan kesejahteraan kepada segenap

lapisan masyarakat. Peruntukan yang lebih besar sebanyak RM29.3 bilion akan diberikan kepada sektor ekonomi, termasuk lima koridor pertumbuhan dan pembangunan keusahawanan; meningkatkan akses dan rangkaian pengangkutan awam bandar; membina dan menaik taraf jalan, jambatan, landasan kereta api dan lapangan terbang; menyediakan liputan bekalan elektrik dan air yang lebih baik; serta mempercepat program pembangunan infrastruktur luar bandar dan pertanian.

Dalam usaha meningkatkan kualiti hidup rakyat, sejumlah RM12.6 bilion akan diperuntukkan bagi projek dan program di bawah sektor sosial dengan penekanan kepada penyediaan penjagaan kesihatan yang lebih baik dan rumah yang mampu dimiliki. Sebagai tambahan, untuk terus meningkatkan daya saing negara, pembangunan modal insan akan dipergiat melalui pendidikan dan latihan untuk melahirkan pekerja yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi terutamanya dalam kalangan generasi muda. Sementara itu, bagi sektor pertahanan dan keselamatan dalam negeri pula, peruntukan besar berjumlah RM4.9 bilion disediakan untuk menaik taraf keupayaan dan kapasiti angkatan tentera dan anggota polis. Sektor pentadbiran am akan

diperuntukkan sebanyak RM1.7 bilion untuk menaik taraf fasiliti kerajaan serta penambahbaikan berterusan dalam penyampaian perkhidmatan awam.

Kerajaan akan terus mengukuhkan kedudukan fiskal di samping menyokong dan merangsang pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan produktiviti dan daya saing. Selaras dengan inisiatif pembaharuan fiskal, pengenalan GST pada April 2015 bertujuan memperkemas struktur cukai penggunaan sedia ada dengan menyediakan satu sistem cukai yang lebih menyeluruh dan saksama. GST akan lebih efisien, efektif, telus, adil dan mesra perniagaan. Langkah ini akan meningkatkan pematuhan dan memperluas asas cukai. Selain itu, Kerajaan akan melaksanakan rasionalisasi subsidi secara berperingkat untuk memastikan pengagihan subsidi yang lebih cekap dan bersasar, mengurangkan ketirisan dan membendung kegiatan penyeludupan. Penjimatan daripada rasionalisasi subsidi akan digunakan untuk membiayai program dan projek yang lebih produktif dan memanfaatkan rakyat. Menerusi langkah fiskal yang teguh dan pengurusan kewangan yang berhemat, kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan akan bertambah kukuh dengan paras hutang yang lebih rendah dan terurus dalam jangka sederhana dan panjang.